

suatu ucapan yang bijak, yang diharap menjadi jambatan keretakan nampaknya sedang mulai timbul di antara Malaysia dengan Singapura.

Tujuan yang baik untuk keselamatan negara dalam ekonominya yang dibuat oleh Tuan Lim Kim San hendaklah dijaga bersama oleh menteri-menteri yang lain kerana sepanjang apa yang kita lihat dan kita dengar setiap saat ucapan-ucapan sindir-menyindir ditimbulkan oleh menteri-menteri yang lain terhadap Malaysia dan raja-rajanya padahal yang demikian ini, menurut pandangan kita, tidak sedikit pun memberi manfaat di dalam kita menjalankan pertadbiran negara sebab tiap-tiap kata yang tajam itu akan memberi bekas dan akan menimbulkan orang lain, orang yang terkena, kerana kesan-kesan daripada ucapan-ucapan itu tidak mudah akan hilang dan tidak mudah memperbaikinya. Kerana itu perkara yang demikian itu, untuk kesejahteraan ekonomi negara sepanjang pendapat kita, hendaklah Parlimen mengadakan suatu dasar mengawal ucapan-ucapan yang boleh merosakkan hubungan baik-baik bukan sahaja kepada Malaysia tetapi kepada semua pihak yang kita harap hubungan baik pula kepada kita sebagai negara tetangga dan sahabat.

Kita wajib menyedari dan wajib menginsafi besok boleh kita membuat sebanyak-banyaknya industri-industri untuk memberi kerja-kerja kepada penduduk-penduduk Singapura, tetapi kita wajib pula menyedari bahawa bahan-bahan bagi menjalankan industri itu tidak ada di tempat kita dan pasaran bagi barang-barang kita ke luar negeri tentunya menghadapi saingan yang hebat dari negara-negara yang lain.

Pengalaman kita sesudah Konfrontasi Indonesia sangat pahit kerana bahan-bahan untuk menjalankan usaha-usaha tempat kita dengan sendirinya terputus. Adakah Singapura akan mengharap lagi hubungan yang baik di antara Singapura dengan Indonesia? Persoalan ini adalah menjadi suatu

kajian yang patut didalami dan dihalusi sebab mungkin orang-orang Indonesia akan memandang bahawa Singapura ini bukan negara Singapura, dengan memandang kerana penduduknya hampir-hampir 80 peratus lebih daripada orang Cina, maka mungkin mereka memandang Singapura ini sebuah negara Cina sebagaimana yang sudah terbayang-bayang daripada siaran-siaran Radio Indonesia. Apa yang terjadi di Indonesia sekarang, di dalam pergolakan politik di Indonesia, perasaan anti-Cina meluap-luap dan jika Konfrontasi nanti habis mungkin berdiri MAPHILINDO yang mengandungi Indonesia, Filipina, Thailand dan Malaysia dan tiga negara yang tersebut permulaan terhadap orang-orang Cina menjadi suatu pertanyaan besar.

Sekali lagi sebagaimana pernah yang kita tulis, kita berharap dengan sangat supaya Singapura mengurangkan bidas-membidas kepada orang lain dan hendaklah membanyakkan kerja daripada bercakap.

\* \* \*

#### **Kedudukan Sukarno**

Setelah Komunis cuba menggulingkan pemerintahan Indonesia pada 1 Oktober maka pemerintahan di Indonesia sekarang terletak di bawah kuatkuasa tentera. Tenteralah yang mempunyai kuatkuasa di Indonesia dan tentera itu ada mempunyai kekuasaan sekalipun untuk menggulingkan *President* Sukarno.

Umat Indonesia bergerak menghancurkan Komunis dari akar-akarnya dan mereka membantu setiap langkah Kerajaan Tentera di dalam usaha-usaha ini. Kalau tentera tidak berdiri di belakang mereka, sudah tentu umat Indonesia sendiri tidak akan dapat bergerak dan membuktikan bahawa gerakan sangat maju dan pesat untuk mencabut Komunis dari akar-akarnya yang ditanam oleh Sukarno.

Berkali-kali Sukarno berseru bahawa di Indonesia tidak akan maju kalau tidak dijalankan persatuan seluruh umat Indonesia di dalam NASAKOMnya (Nasionalis, Komunis dan Muslim) tetapi umat Indonesia terus bertindak dan tindakannya itu tentunya bersandar kepada tentera yang berkuasa sekarang.

Dengan ini maka lahir Sukarno hanya bersuara, tetapi tidak mempunyai kuasa. Tentera, daripada berita-berita yang kita dengar nampaknya tidak mengendahkan akan perintah-perintah Sukarno yang diertikan bahawa benar Sukarno tidak mempunyai kuasa. Melihat ini timbul pertanyaan mengapa dibiarkan Sukarno berkata dan Sukarno tetap duduknya sebagai *President* negara Indonesia sekalipun dia sendiri membayangkan jika rakyat tidak suka, ia akan mengundurkan dirinya.

Kita yakin tentera menyedari bahawa selagi Sukarno berkuasa maka negara Indonesia akan hancur. Tetapi di dalam usaha memulihkan semula keadaan negara, Sukarno sebagai simbol negara masih diperlukan supaya golongan yang bukan Komunis yang masih cinta kepada Sukarno tidak bersatu dengan Komunis untuk melawan kekuasaan yang ada sekarang. Untuk menjauhkan perang saudara sesama sendiri, Sukarno dibiarkan dahulu tetapi perlahan-lahan kuasanya, satu demi satu dikurangkan. Ini terbukti daripada yang kita dengar dan kita lihat.

Dr. Mohammad Hatta yang tidak pernah- pernah timbul telah mulai kelihatan dan ada pernah dilihat bersama-sama Sukarno padahal dahulunya Mohammad Hatta dipandang sebagai orang yang serong kepada Sukarno. Seorang lagi yang boleh diterima oleh seluruh rakyat sama ada di Jawa atau di Sumatera dan di seluruh daerah Indonesia ialah Sultan Hamengkubuwono yang telah dilantik menjadi Naib Yang Dipertua “KOTI”<sup>2</sup> .

Keluarnya Hamengkubuwono dan menerima jawatan itu adalah membayangkan mungkin tidak lama saatnya, apabila keadaan mengizinkan, kuasa tentera akan mengambil alih kekuasaan dari tangan Sukarno dan mungkin akan menjadikan Sultan Hamengkubuwono *president* baru bagi negara Indonesia sekalipun kononnya *President* Sukarno telah dilantik menjadi *President* seumur hidup. Susunan ini nampak jelas kerana kalau Dr. Mohammad Hatta diletakkan menjadi *President*, mungkin beliau tidak diterima oleh orang Jawa dan mungkin perang saudara akan berlaku. Tetapi Sultan Hamengkubuwono seorang yang boleh diterima oleh umat Jawa dan lain daerah sebab beliau terkenal seorang pemimpin yang jujur dan bersih di dalam perjuangannya dan selama ini, selama Sukarno mengambil kekuasaan di tangannya sendiri, beliau tidak mahu mencampurkan diri di dalam pertadbiran yang membawa peristiwa-peristiwa berdarah di seluruh Indonesia.

Kita yakin kekuasaan Sukarno akan habis dan tidak lama lagi ambil alih pemerintahan Indonesia akan tiba.

---

“Jika dapat hendaklah kamu menjadi seorang alim, jika tidak hendaklah kamu menjadi seorang murid. Kalau kamu tak dapat juga hendaklah kamu kasih kepada mereka. Kalau ini pun kamu tak dapat juga berbuat maka janganlah pula kamu membenci mereka” – Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz.

---

Masjid Aya Sophia di Istanbul sebuah masjid lama yang berasal dari gereja beberapa lamanya dijadikan muzium sahaja. – tidak dijadikan tempat bersembahyang. Tetapi menurut berita sekarang bahawa masjid itu telah dijadikan masjid jamek dan diadakan bersembahyang di dalamnya.

---

<sup>2</sup> Merujuk kepada Supreme Operations Command (KOTI).